**PERATURAN PERTANDINGAN**
**SABAH FC GRASSROOTS TOURNAMENT 2026**

**NAMA PERTANDINGAN: SABAH FC GRASSROOTS TOURNAMENT 2026**
**Tarikh: 21 – 22 November 2026**
**Tempat: Padang SAFA, Kota Kinabalu, Sabah**
**Kategori:**

- **Under-9 (U9): 16 Pasukan**
- **Under-11 (U11): 16 Pasukan**

**Penganjur: Sabah Football Club**
**Format: Peringkat Kumpulan + Multi-tier Championship**

---

## 1. OBJEKTIF

a. Pertandingan ini dianjurkan oleh Sabah Football Club sebagai satu platform pembangunan bola sepak akar umbi bagi memberi peluang kepada pemain muda untuk mendapatkan pengalaman pertandingan dalam suasana yang teratur, kompetitif dan berorientasikan pembangunan.
b. Memenuhi Kriteria Pelesenan Kelab daripada Malaysia Football Club. Menyokong pematuhan Sabah FC terhadap keperluan dan kriteria Club Licensing yang berkaitan dengan pembangunan bola sepak akar umbi, pembangunan pemain muda serta program pembangunan belia kelab.
c. Pemilihan pemain bagi mengikuti sesi latihan secara berkala bersama Akademi Sabah FC, di bawah pemantauan jurulatih dan pegawai pembangunan pemain kelab.
d. Menjadi sebahagian daripada persiapan awal dan platform pencarian bakat bagi membentuk kumpulan pemain yang berpotensi untuk mewakili Sabah dalam Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) 2027 Bawah 12 Tahun.
a. Memberikan peluang kepada kanak-kanak untuk mendapatkan pengalaman bermain dalam pertandingan bola sepak yang kompetitif.
b. Memupuk minat kanak-kanak terhadap sukan bola sepak sejak usia muda.
c. Membina hubungan dan jaringan antara **Sabah FC, akademi bola sepak, kelab, sekolah serta komuniti setempat.**

---


SABAH FC GRASSROOTS TOURNAMENT 2026
© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

## 2. MAKLUMAT PERTANDINGAN

a. Kejohanan ini melibatkan akademi bola sepak, kelab, sekolah serta komuniti setempat di seluruh Negeri Sabah yang sah berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan (PJS).
b. Pertandingan akan di jalankan **Peringkat Kumpulan + multi-tier Championship**
c. Cadangan tarikh dan tempat yang akan berlangsung selama dua (2) hari:

**Tarikh dan Hari:**

| **Hari** | **Tarikh** | **Aktiviti** |
|---|---|---|
| Hari 1 | Sabtu, 21 November 2026 | Peringkat Kumpulan |
| Hari 2 | Ahad, 22 November 2026 | Peringkat Double Knockout & Final |

**Tempat**

- **Padang SAFA, Likas, Kota Kinabalu, Sabah**

**Dua (2) padang akan digunakan secara serentak:**

- Padang 1 – Kategori U9
- Padang 2 – Kategori U11

d. **KELAYAKKAN PASUKAN DAN PEMAIN**
   i. Pendaftaran pemain hanya untuk **warganegara Malaysia** sahaja.
   ii. Seorang pemain hanya boleh mewakili **satu (1) kelab atau pasukan.**
   iii. Semua pasukan hendaklah mengemukakan satu (1) salinan kad pengenalan/mykid/surat beranak (yang telah disahkan). Hanya dokumen tersebut yang boleh digunakan sebagai bukti.
   iv. Semua pasukan/pemain harus mematuhi peraturan kejohanan yang akan ditetapkan oleh penganjur. Sebarang masalah yang ditimbulkan akan menyebabkan pasukan/pemain tersebut disingkirkan daripada kejohanan.


SABAH FC GRASSROOTS TOURNAMENT 2026 © 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

## 3. KATEGORI PERTANDINGAN DAN PENDAFTARAN PEMAIN DAN PEGAWAI

Pertandingan terdiri daripada dua kategori:

### 3.1 Bawah-9 (B9)

a. Maksimum 16 pasukan
b. Pemain hendaklah memenuhi had umur U9 yang ditetapkan oleh penganjur.
c. **Pemain** mestilah dilahirkan pada atau selepas **1 Januari 2017.**
d. Setiap pasukan dibenarkan mendaftar maksimum **15 Pemain & 4 Pegawai.**
e. Pegawai terdiri daripada pengurus pasukan, **ketua jurulatih, penolong ketua jurulatih, jurulatih dan penjaga gol**,
   I. Pegawai kejurulatihan **WAJIB** memiliki sijil kejurulatihan :-
      - **Ketua Jurulatih** : Sekurang-kurangnya minimum Lesen **D FAM** atau yang setaraf dan diiktiraf oleh FAM.
      - **Penolong Ketua Jurulatih** : Sijil Kejurulatihan minimum **Grassroots FAM** atau yang setaraf dan diiktiraf oleh FAM.
      - **Jurulatih penjaga gol** - Sekurang-kurangnya minimum **Sijil Asas Penjaga Gol** SAFA atau yang setaraf dan diiktiraf oleh FAM.

### 3.2 Bawah -11 (B11)

a. Maksimum 16 pasukan
b. Pemain hendaklah memenuhi had umur U11 yang ditetapkan oleh penganjur.
c. **Pemain** mestilah dilahirkan pada atau selepas **1 Januari 2015.**
d. Setiap pasukan dibenarkan mendaftar maksimum **15 Pemain & 4 Pegawai.**
e. Pegawai terdiri daripada pengurus pasukan, **ketua jurulatih, penolong ketua jurulatih, jurulatih dan penjaga gol**,
   I. Pegawai kejurulatihan **WAJIB** memiliki sijil kejurulatihan :-
      - **Ketua Jurulatih** : Sekurang-kurangnya minimum Lesen **D FAM** atau yang setaraf dan diiktiraf oleh FAM.
      - **Penolong Ketua Jurulatih** : Sijil Kejurulatihan minimum **Grassroots FAM** atau yang setaraf dan diiktiraf oleh FAM.
      - **Jurulatih penjaga gol** - Sekurang-kurangnya minimum **Sijil Asas Penjaga Gol** SAFA atau yang setaraf dan diiktiraf oleh FAM.


© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

**Nota:**

a. **Penganjur berhak meminta dokumen pengenalan atau bukti umur pemain pada bila-bila masa.**
b. **Hanya pemain yang telah didaftarkan dan disahkan oleh urusetia dibenarkan menyertai pertandingan.**

3.3 Setelah senarai pemain disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan, pendaftaran baharu hanya dibenarkan kepada penjaga gol sahaja diatas sebab kecederaan dan mendapat pengesahan dari doktor.

3.4 Semua pasukan diminta mengisytiharkan warna jersi, seluar, stoking, dan warna jersi penjaga gol yang dipakai semasa menjadi tuan rumah (di dalam pertandingan ini, nama pasukan yang disebut dahulu adalah tuan rumah dan pasukan kedua adalah pasukan pelawat).

3.5 Pemain hendaklah menggunakan nombor yang sama sepanjang kejohanan.

---

### 4. DOKUMEN PENDAFTARAN PEMAIN

Setiap pemain hendaklah mempunyai dokumen pengenalan/bukti umur yang sah.

Dokumen yang boleh diterima termasuk:

a. **Sijil kelahiran;**
b. **MyKid/MyKad;**

**Penganjur berhak menjalankan age verification / pemeriksaan umur sebelum atau sepanjang pertandingan.**

---

### 5. PEMAIN TIDAK SAH

**Mana-mana pasukan yang menurunkan pemain yang:**

a. Tidak didaftarkan;
b. Menggunakan identiti pemain lain;
c. Tidak memenuhi syarat umur;
d. Memberikan maklumat palsu; atau
e. Tidak mendapat kelulusan penganjur,

**boleh dikenakan tindakan termasuk:**



© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

1. Kekalahan 0–3;
2. Pembatalan keputusan perlawanan;
3. Penyingkiran daripada pertandingan; dan/atau
4. Tindakan disiplin lain yang ditentukan Jawatankuasa Penganjur.

## 6. LESEN PEMAIN

a. Pihak penganjur akan menyediakan ID Tag kepada pemain dan pegawai pasukan yang telah di daftarkan di system pendaftaran. Pemeriksaan akan dilaksanakan oleh pihak penganjur dan pengadil pertandingan sebelum perlawanan dimulakan. Kegagalan mengemukakan **ID Tag** sebelum perlawanan akan menyebabkan pemain tidak layak untuk bermain pada perlawanan tersebut.
b. **Hanya pegawai/pemain yang mempunyai ID Tag** sahaja dibenarkan berada di dalam **khemah pasukan**

## 7. SYARAT PENYERTAAN PASUKAN

a. **Yuran penyertaan** dikenakan mengikut pertandingan ini adalah sebanyak **Ringgit Malaysia Satu Ribu, Dua Ratus Ringgit Sahaja (RM 1,200.00)** bagi **setiap pasukan.**

b. kategori mempunyai maksimum **16 pasukan.**

**Jumlah keseluruhan: 32 pasukan**

| Kategori | Bilangan Pasukan |
|---|---|
| U9 | 16 |
| U11 | 16 |
| **Jumlah** | **32** |

Penyertaan adalah berdasarkan konsep **first confirmed, first accepted,** tertakluk kepada pengesahan penganjur.

Penganjur berhak menolak mana-mana permohonan penyertaan sekiranya:

1. Kuota telah penuh;
2. Maklumat pendaftaran tidak lengkap;
3. Pasukan gagal memenuhi syarat umur;
4. Pasukan gagal membuat bayaran dalam tempoh ditetapkan; atau


© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

5. Terdapat sebab-sebab lain yang dianggap wajar oleh Jawatankuasa Penganjur.

## 8. FORMAT PERTANDINGAN

a. Pertandingan akan di jalankan **Peringkat Kumpulan + multi-tier Championship**
b. **Format permainan**
   I. U9 – 7 sebelah
   II. U11- 9 sebelah
c. Setiap kategori melibatkan 16 pasukan.
   I. **16 pasukan akan dibahagikan kepada 4 kumpulan, seperti berikut:**

| Kumpulan | Pasukan |
|---|---|
| Group A | 4 pasukan |
| Group B | 4 pasukan |
| Group C | 4 pasukan |
| Group D | 4 pasukan |
| **Jumlah** | **16 pasukan** |

d. **Peringkat Kumpulan akan** menggunakan format **Round Robin.** Setiap pasukan akan bermain menentang semua pasukan lain dalam kumpulannya.
e. Setiap pasukan akan bermain sebanyak 3 perlawanan Kumpulan
f. Selepas perlawanan peringkat kumpulan selesai, pasukan akan bermain lagi bagi menentukan kedudukan pasukan.
g. Format ini digunakan bagi memastikan:
   I. lebih banyak sentuhan bola;
   II. ruang permainan yang sesuai;
   III. intensiti pertandingan;
   IV. peluang pembangunan individu; dan
   V. penglibatan pemain yang lebih tinggi.

**Penganjur berhak menggunakan sistem seeding bagi memastikan pembahagian kumpulan yang seimbang.**


SABAH FC GRASSROOTS TOURNAMENT 2026 © 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

# U9 GROUP STAGE

EACH TEAM WILL PLAY 3 MATCHES

SABAH FC X BORENOS GRASSROOTS TOURNAMENT 2026

| GROUP A | | GROUP B | | GROUP C | | GROUP D | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | TBC | 1 | TBC | 1 | TBC | 1 | TBC |
| 2 | TBC | 2 | TBC | 2 | TBC | 2 | TBC |
| 3 | TBC | 3 | TBC | 3 | TBC | 3 | TBC |
| 4 | TBC | 4 | TBC | 4 | TBC | 4 | TBC |

**ALL TEAMS ADVANCE TO THE KNOCKOUT STAGE**

Final group standings determine the cup competition.

# U11 GROUP STAGE

EACH TEAM WILL PLAY 3 MATCHES

SABAH FC X BORENOS GRASSROOTS TOURNAMENT 2026

| GROUP A | | GROUP B | | GROUP C | | GROUP D | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | TBC | 1 | TBC | 1 | TBC | 1 | TBC |
| 2 | TBC | 2 | TBC | 2 | TBC | 2 | TBC |
| 3 | TBC | 3 | TBC | 3 | TBC | 3 | TBC |
| 4 | TBC | 4 | TBC | 4 | TBC | 4 | TBC |

**ALL TEAMS ADVANCE TO THE KNOCKOUT STAGE**

Final group standings determine the cup competition.





© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

## 9. PEMAIN SIMPANAN

a. Pemain yang tidak berada di dalam padang hendaklah berada di kawasan yang ditetapkan.
b. Penggantian pemain adalah:
    I. Rolling Substitution
c. Tiada had bilangan penggantian dikenakan, tertakluk kepada arahan pengadil.

---

## 10. SISTEM MATA

a. **Mata diberikan seperti berikut:**

| Keputusan | Mata |
|---|---|
| Menang | 3 |
| Seri | 1 |
| Kalah | 0 |

**Kedudukan kumpulan ditentukan berdasarkan jumlah mata.**

---

## 11. PENENTUAN KEDUDUKAN KUMPULAN

a. Sekiranya dua atau lebih pasukan mempunyai jumlah mata yang sama, kedudukan akan ditentukan berdasarkan urutan berikut:
    I. Goal Difference
    II. Goals Scored
    III. Head-to-Head
    IV. Goal Difference dalam perlawanan Head-to-Head
    V. Goals Scored dalam Head-to-Head
    VI. Jika masih sama lagi, sepakan penalti 'sudden death' 1-1 akan dijalankan bagi mencari pemenang.
b. Penendang hendaklah Pemain yang berstatus, Pemain yang masih berada di dalam padang semasa perlawanan berakhir.

**Keputusan Jawatankuasa Pertandingan adalah muktamad.**

---


SABAH FC GRASSROOTS TOURNAMENT 2026
© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

## 12. FORMAT MULTI-TIER CHAMPIONSHIP

a. Format ini memastikan semua 16 pasukan dalam setiap kategori mendapat peluang bermain sehingga ke peringkat akhir, tanpa tersingkir terlalu awal.

b. **Struktur Multi-Tier Championship (Selepas peringkat kumpulan)**

I. **JUARA LIGA KUMPULAN (SEMANTAN CUP)**
- pasukan terbaik yang layak ke peringkat utama untuk merebut **Juara Keseluruhan**

II. **NAIB JUARA KUMPULAN (BORENOS CUP)**
- pasukan yang tidak layak ke Championship, tetapi masih bersaing untuk **Juara BORENOS CUP**

III. **TEMPAT KETIGA KUMPULAN (MANIA CUP)**
- pasukan lain yang masih diberi peluang bertanding untuk **Juara MANIA CUP**

IV. **TEMPAT KEEMPAT KUMPULAN (Fut8 CUP)**
- pasukan lain yang masih diberi peluang bertanding untuk **Juara Fut8 CUP**

c. Format ini sangat sesuai untuk **Sabah FC Grassroots Tournament 2026** kerana:

I. Semua pasukan mendapat peluang bermain lebih banyak;
II. Tiada pasukan tersingkir terlalu awal;
III. Tahap pertandingan lebih seimbang;
IV. Pemain mendapat lebih banyak minit permainan;
V. Jurulatih boleh menilai perkembangan pemain;
VI. Setiap kategori mempunyai beberapa pemenang yang boleh diberikan pengiktirafan.



© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.








© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.








© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

## 13. TEMPOH PERLAWANAN

a. Masa Permainan

I. Peringkat Kumpulan

- Bawah 9 Tahun - 7minit/ 1 minit/ 7minit.
- Bawah 11 Tahun - 7minit/ 1 minit/ 7minit.

**Jumlah: 15 minit**

**Masa perlawanan adalah masa sebenar dan tidak akan dihentikan kecuali atas arahan pengadil.**

II. Semifinal Stage (Cup Stage)

- Bawah 9 Tahun -10minit/1minit/10minit
- Bawah 11 Tahun -10minit/1minit/10minit

iii. Penentuan tempat 3rd and 4th

- Bawah 9 Tahun -10minit/1minit/10minit
- Bawah 11 Tahun -10minit/1minit/10minit

iii. Final

- Bawah 9 Tahun -15minit/1minit/15minit
- Bawah 11 Tahun – 15minit/1minit/15minit


© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

## 14. JADUAL PERLAWANAN

### PERINGKAT KUMPULAN SABTU, 21 NOVEMBER 2026

| MASA | PADANG 1 – U9 | PADANG 2 – U11 |
|---|---|---|
| 8:00–8:15 | A1 vs A2 | A1 vs A2 |
| 8:15–8:30 | A3 vs A4 | A3 vs A4 |
| 8:30–8:45 | B1 vs B2 | B1 vs B2 |
| 8:45–9:00 | B3 vs B4 | B3 vs B4 |
| 9:00–9:15 | C1 vs C2 | C1 vs C2 |
| 9:15–9:30 | C3 vs C4 | C3 vs C4 |
| 9:30–9:45 | D1 vs D2 | D1 vs D2 |
| 9:45–10:00 | D3 vs D4 | D3 vs D4 |
| 10:00–10:15 | A1 vs A3 | A1 vs A3 |
| 10:15–10:30 | A2 vs A4 | A2 vs A4 |
| 10:30–10:45 | B1 vs B3 | B1 vs B3 |
| 10:45–11:00 | B2 vs B4 | B2 vs B4 |
| 11:00–11:15 | C1 vs C3 | C1 vs C3 |
| 11:15–11:30 | C2 vs C4 | C2 vs C4 |
| 11:30–11:45 | D1 vs D3 | D1 vs D3 |
| 11:45–12:00 | D2 vs D4 | D2 vs D4 |
| **12:00–2:00 REHAT** | | |
| 2:00–2:15 | A1 vs A4 | A1 vs A4 |
| 2:15–2:30 | A2 vs A3 | A2 vs A3 |
| 2:30–2:45 | B1 vs B4 | B1 vs B4 |
| 2:45–3:00 | B2 vs B3 | B2 vs B3 |
| 3:00–3:15 | C1 vs C4 | C1 vs C4 |
| 3:15–3:30 | C2 vs C3 | C2 vs C3 |
| 3:30–3:45 | D1 vs D4 | D1 vs D4 |
| 3:45–4:00 | D2 vs D3 | D2 vs D3 |

### MULTI-TIER CHAMPIONSHIP (PERINGKAT KUMPULAN)

- **SABTU, 21 NOVEMBER 2026**

### Fut8 CUP

| MASA | PADANG 1 – U9 | PADANG 2 – U11 |
|---|---|---|
| 7.30 – 7.55 | A4 vs B4 (Semi Final 1) | A4 vs B4(Semi Final 1) |
| 7.55 – 8.20 | C4 vs D4(Semi Final 2) | C4 vs D4(Semi Final 2) |



SABAH FC GRASSROOTS TOURNAMENT 2026 © 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

## MANIA CUP

| MASA | PADANG 1 – U9 | PADANG 2 – U11 |
|---|---|---|
| 8.20 – 8.45 | A3 vs B3 (Semi Final 1) | A3 vs B3(Semi Final 1) |
| 8.45 – 9.10 | C3 vs D3(Semi Final 2) | C3 vs D3(Semi Final 2) |

## BORENOS CUP

| MASA | PADANG 1 – U9 | PADANG 2 – U11 |
|---|---|---|
| 9.10 – 9.35 | A2 vs B2 (Semi Final 1) | A2 vs B2(Semi Final 1) |
| 9.35 – 9.55 | C2 vs D2(Semi Final 2) | C2 vs D2(Semi Final 2) |

## SEMANTAN CUP

| MASA | PADANG 1 – U9 | PADANG 2 – U11 |
|---|---|---|
| 9.55 – 10.20 | A1 vs B1 (Semi Final 1) | A1 vs B1(Semi Final 1) |
| 10.20 – 10.45 | C1 vs D1(Semi Final 2) | C1 vs D1(Semi Final 2) |



© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

## a- MULTI-TIER CHAMPIONSHIP

### I. (Fut8 CUP) SEMIFINAL AND FINAL STAGE
**AHAD, 22 NOVEMBER 2026**

| MASA | PADANG 1 – U9 | PADANG 2 – U11 |
|---|---|---|
| 8.30 – 8.55<br><br>(3rd / 4rd) | Loser Semi Final 1<br>vs<br>Loser Semi Final 2<br>(3rd / 4rd) | Loser Semi Final 1<br>vs<br>Loser Semi Final 1<br>(3rd / 4rd) |
| 8.55 – 9.30<br>(Final) | Winner Semi Final 1<br>vs<br>Winner Semi Final 2<br>(1rd / 2rd) | Winner Semi Final 1<br>vs<br>Winner Semi Final 2<br>(1rd / 2rd) |

### II. (MANIA CUP) SEMIFINAL AND FINAL STAGE
**AHAD, 22 NOVEMBER 2026**

| MASA | PADANG 1 – U9 | PADANG 2 – U11 |
|---|---|---|
| 9.30 – 9.55<br>(3rd / 4rd) | Loser Semi Final 1<br>vs<br>Loser Semi Final 2<br>(3rd / 4rd) | Loser Semi Final 1<br>vs<br>Loser Semi Final 1<br>(3rd / 4rd) |
| 9.55 – 10.30<br><br><br>(Final) | Winner Semi Final 1<br>vs<br>Winner Semi Final 2<br>(1rd / 2rd) | Winner Semi Final 1<br>vs<br>Winner Semi Final 2<br>(1rd / 2rd) |

### III. (BORENOS CUP) SEMIFINAL AND FINAL STAGE
**AHAD, 22 NOVEMBER 2026**

| MASA | PADANG 1 – U9 | PADANG 2 – U11 |
|---|---|---|
| 10.30 – 10.55<br>(3rd / 4rd) | Loser Semi Final 1<br>vs<br>Loser Semi Final 2<br>(3rd / 4rd) | Loser Semi Final 1<br>vs<br>Loser Semi Final 1<br>(3rd / 4rd) |
| 10.55 – 11.30<br>(Final) | Winner Semi Final 1<br>vs<br>Winner Semi Final 2<br>(1rd / 2rd) | Winner Semi Final 1<br>vs<br>Winner Semi Final 2<br>(1rd / 2rd) |



© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

## I. (SEMANTAN CUP) SEMIFINAL AND FINAL STAGE
## AHAD, 22 NOVEMBER 2026

| MASA | PADANG 1 – U9 | PADANG 2 – U11 |
|---|---|---|
| 11.30 – 11.55<br>(3rd / 4rd) | Loser Semi Final 1<br>vs<br>Loser Semi Final 2<br>(3rd / 4rd) | Loser Semi Final 1<br>vs<br>Loser Semi Final 1<br>(3rd / 4rd) |
| 11.55 – 12.30<br>(Final) | Winner Semi Final 1<br>vs<br>Winner Semi Final 2<br>(1rd / 2rd) | Winner Semi Final 1<br>vs<br>Winner Semi Final 2<br>(1rd / 2rd) |


SABAH FC GRASSROOTS TOURNAMENT 2026
© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

## 15. BOLA PERTANDINGAN

Bola yang digunakan hendaklah mengikut saiz yang ditetapkan oleh penganjur.

**Cadangan:**

- **U9 – Size 4**
- **U11 – Size 4**

Semua bola pertandingan hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Penganjur.

---

## 16. PERATURAN PERMAINAN

a. Pertandingan akan menggunakan prinsip asas Laws of the Game yang ditetapkan oleh IFAB/FIFA, dengan pengubahsuaian khusus untuk pertandingan grassroots seperti:
   I. saiz padang;
   II. bilangan pemain;
   III. tempoh permainan;
   IV. rolling substitution; dan
   V. peraturan pertandingan yang ditetapkan oleh penganjur.

b. Tiada had jumlah pertukaran Pemain.
c. Ketua pasukan hendaklah **memakai lilitan lengan** yang nyata di jersinya.

**Keputusan pengadil di dalam padang adalah muktamad.**

---

## 17. KAD DISIPLIN

a. Pengadil boleh mengeluarkan:
   **I. Kad kuning;**
   **II. Kad merah.**

**Pemain yang menerima kad merah akan dikeluarkan daripada perlawanan dan boleh dikenakan penggantungan bagi perlawanan berikutnya bergantung kepada laporan pengadil dan keputusan Jawatankuasa Disiplin.**

b. Pemain yang telah menerima 2 kad kuning secara automatik digantung satu perlawanan.


© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

c. Pemain yang menerima kad merah secara automatik digantung dua perlawanan. Jawatankuasa Tatatertib akan bermesyuarat untuk menentukan jika pemain tersebut boleh dihukum lebih berat, iaitu gantung sepanjang kejohanan (tertakluk keputusan pengadil).
d. Bagi pemain yang menerima kad merah akibat menerima kad kuning kedua dalam satu perlawanan maka pemain tersebut dikira digantung 1 perlawanan berikutnya.
e. Kutipan kad yang diterima di peringkat kumpulan akan dibawa ke peringkat kalah mati.
f. Pasukan (Pemain, Pegawai dan Penyokong) yang terlibat dalam pergaduhan, Jawatankuasa Tatatertib pertandingan akan bermesyuarat bagi menentukan tindakan yang akan diambil termasuk menyingkirkan pasukan daripada pertandingan

---

## 18. DISIPLIN PEGAWAI DAN JURULATIH

**a. Semua jurulatih, pengurus dan pegawai pasukan hendaklah:**

I. Menghormati pengadil;
II. Menghormati pasukan lawan;
III. Mengawal tingkah laku pemain;
IV. Tidak memasuki padang tanpa kebenaran;
V. Tidak menggunakan bahasa kesat;
VI. Tidak melakukan provokasi;
VII. Tidak melakukan sebarang bentuk keganasan; dan
VIII. Mematuhi arahan Jawatankuasa Penganjur.

**Tindakan disiplin boleh dikenakan sekiranya berlaku pelanggaran peraturan.**

---

## 19. KETEPATAN MASA

a. Semua pasukan hendaklah berada di kawasan pertandingan sekurang-kurangnya:
   I. **5 minit sebelum waktu perlawanan.**
b. Pasukan yang gagal hadir selepas tempoh menunggu yang ditetapkan boleh dianggap walkover.
c. Cadangan tempoh menunggu:
   I. **5 minit**
d. Pasukan yang gagal hadir selepas 5 minit boleh diberikan kekalahan:
   I. **0–3**



© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

**Walau bagaimanapun, keputusan akhir tertakluk kepada Jawatankuasa Pertandingan.**

---

## 20. KELENGKAPAN PASUKAN

Setiap pasukan hendaklah menyediakan:

- **Jersi;**
- **Seluar;**
- **Stoking;**
- **Shin guard;**
- **Kasut bola yang bersesuaian;**
- **Bola latihan;**
- **Air minuman; dan**
- **Peralatan perubatan asas.**

Jika warna jersi kedua-dua pasukan hampir sama, pasukan yang ditetapkan oleh penganjur hendaklah memakai bib/jersey alternatif.

---

## 21. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

a. Semua pengurus pasukan atau jurulatih **WAJIB HADIR** ke mesyuarat pengurus pasukan.

---

## 22. PERLAWANAN TERTANGGUH / KELEWATAN

a. Jika perlawanan dihentikan oleh Pengadil sebab akibat cuaca, dan tidak dapat diteruskan, maka perlawanan dijalankan dengan baki tempoh masa dan status pemain serta kedudukan jaringan kekal. Tarikh dan masa serta venue perlawanan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan.

b. Sekiranya berlaku:
   I. hujan lebat;
   II. ribut petir;
   III. kilat;
   IV. padang tidak selamat; atau
   V. keadaan cuaca lain yang membahayakan,





© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

c. Jawatankuasa Penganjur berhak:
   I. Menangguhkan perlawanan;
   II. Menghentikan sementara pertandingan;
   III. Memindahkan perlawanan;
   IV. Memendekkan tempoh permainan; atau
   V. Menentukan keputusan pertandingan.

**Keselamatan pemain, pegawai dan penonton adalah keutamaan.**

d. Sekiranya sesuatu pasukan bertindak keluar padang kerana enggan meneruskan perlawanan, maka kemenangan akan diberikan kepada pasukan lawan dengan jaringan 3-0. Jika jaringan semasa perlawanan tidak berpihak kepada lawan atau lebih rendah, maka keputusan jaringan 3-0 akan diberikan. Sekiranya keputusan semasa pemberhentian perlawanan lebih tinggi dari 3-0, maka keputusan adalah kekal. Pasukan tersebut akan didenda RM500.00.

e. Sekiranya pasukan menarik diri, semua keputusan sebelum dan selepas penarikan diri pasukan tersebut akan diberikan kemenangan 3-0 kepada pasukan lawan. Pasukan tersebut juga akan didenda RM500.00 dan tindakan lebih tegas jika dirasakan perlu oleh Jawatankuasa Pertandingan.

---

## 23. PROTES / BANTAHAN

a. Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara rasmi oleh Team Manager.
   I. Bantahan hendaklah dikemukakan kepada:
      - Tournament Committee / Competition Secretariat dalam tempoh maksimum15 minit selepas tamat perlawanan.

b. Sebarang bantahan rasmi hendaklah dilakukan secara bertulis dalam masa 30 minit selepas perlawanan tamat beserta dengan wang tunai bantahan **RM1,000.00.** Bantahan yang lengkap perlu dihantar kepada Urusetia Pertandingan dan wang tidak akan dikembalikan.Keputusan

c. Sebarang bantahan berkaitan keputusan pengadil berkaitan undang-undang permainan tidak akan dilayan. Keputusan pengadil adalah muktamad.


SABAH FC GRASSROOTS TOURNAMENT 2026
© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

**Jawatankuasa Pertandingan adalah muktamad dan mengikat semua pasukan.**

## 24. PENGADIL

a. Pengadil pertandingan adalah dari Persatuan Bola Sepak Negeri Sabah (SAFA).

## 25. YURAN PERTANDINGAN

a. Yuran yang dikenakan untuk setiap pasukan adalah **RM1,200.00**

## 26. PENENTUAN PEMENANG PERTANDINGAN

a. Pasukan yang memenangi Final akan dinobatkan sebagai:

**🏆 SABAH FC GRASSROOTS TOURNAMENT 2026 CHAMPION**

b. Bagi setiap kategori:

i. **U9 Champion**
ii. **U9 Runner-Up**
iii. **3rd Place U9**
iv. **4Th Place U9**
v. **U11 Champion**
vi. **U11 Runner-Up**
vii. **3rd Place U11**
viii. **4Th Place U11**

## 27. ANUGERAH INDIVIDU

**a. Penganjur boleh menyediakan anugerah seperti:**

i. **U9**
- ⭐ **Best Player**
- 🧤 **Best Goalkeeper**
- ⚽ **Top Scorer**

ii. **U11**
- ⭐ **Best Player**



SABAH FC GRASSROOTS TOURNAMENT 2026
© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

- 🧤 **Best Goalkeeper**
- ⚽ **Top Scorer**

**NOTA:**

a. **Penganjur berhak menambah atau mengubah kategori anugerah.**
b. **Medal boleh diberikan kepada pemain dan pegawai pasukan yang layak berdasarkan senarai pendaftaran rasmi.**

---

## 28. FAIR PLAY

Pertandingan ini mengutamakan pembangunan pemain dan nilai kesukanan. Semua pasukan digalakkan mengamalkan:

**Respect – Discipline – Teamwork – Fair Play**

---

## 29. TANGGUNGJAWAB PASUKAN

Setiap pasukan bertanggungjawab terhadap:

1. Pemain;
2. Pegawai;
3. Ibu bapa/penyokong;
4. Kelengkapan;
5. Kebersihan kawasan;
6. Disiplin;
7. Keselamatan; dan
8. Pematuhan kepada peraturan pertandingan.

**Sebarang kerosakan yang dilakukan dengan sengaja terhadap kemudahan pertandingan boleh dikenakan tuntutan ganti rugi.**

---

## 30. TANGGUNGJAWAB IBU BAPA DAN PENYOKONG

**Ibu bapa dan penyokong hendaklah:**

- Menghormati keputusan pengadil;
- Tidak memasuki padang;
- Tidak mengganggu pemain;
- Tidak melakukan provokasi;
- Tidak menggunakan bahasa kesat;


SABAH FC GRASSROOTS TOURNAMENT 2026 © 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

- Tidak melakukan tindakan agresif; dan
- Mematuhi arahan pegawai keselamatan.

**Penganjur berhak mengarahkan individu yang melanggar peraturan untuk meninggalkan kawasan pertandingan.**

---

## 31. PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

a. Sabah FC Grassroots Tournament 2026 memberi keutamaan kepada:
   i. **Child Safeguarding**

b. Semua pihak yang terlibat hendaklah memastikan:

- keselamatan kanak-kanak;
- kebajikan pemain;
- tiada penderaan fizikal/verbal;
- tiada diskriminasi;
- tiada buli;
- tiada gangguan; dan
- persekitaran pertandingan yang selamat.

**Sebarang kebimbangan berkaitan keselamatan kanak-kanak hendaklah dilaporkan segera kepada urusetia pertandingan.**

---

## 32. HAK PENYERTAAN DAN PENARIKAN DIRI

a. Pasukan yang telah mengesahkan penyertaan tidak dibenarkan menarik diri tanpa alasan munasabah. Sekiranya pasukan menarik diri:

   i. **selepas tarikh tutup pendaftaran; atau**
   ii. **selepas cabutan undi,**

b. penganjur berhak menentukan tindakan yang sewajarnya termasuk penggantian pasukan.

---

## 33. JAWATANKUASA PERTANDINGAN

a. Jawatankuasa Pertandingan mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai perkara yang tidak dinyatakan secara khusus dalam peraturan ini. Keputusan Jawatankuasa Pertandingan adalah:




© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

**MUKTAMAD**

**dan hendaklah dipatuhi oleh semua pasukan, pemain dan pegawai.**

---

## 34. PENGUBAHSUAIAN PERATURAN

Penganjur berhak mengubah, menambah atau meminda mana-mana peraturan sekiranya terdapat keperluan operasi atau pertandingan.

Sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada pasukan melalui:

- Team Manager;
- Technical Meeting;
- WhatsApp rasmi pertandingan;
- Email; atau
- Saluran komunikasi rasmi yang ditetapkan.

---


© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

## 35. HAL-HAL LAIN

a. Jawatankuasa Pertandingan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan sebelum, semasa dan selepas pertandingan atau perkara diluar jangkaan seperti pergaduhan, rusuhan dan sebagainya di sepanjang kejohanan ini berlangsung.
b. Pihak penganjur berhak menambah peraturan-peraturan yang tidak termaktub didalam syarat-syarat atau peraturan pertandingan.
c. Keputusan Jawatankuasa Pertandingan adalah Muktamad.
d. Semua pasukan digalakkan mengambil insuran berkelompok untuk perlindungan pegawai dan pemain masing-masing.

---

## 36. PENGAKUAN PASUKAN

Dengan menghantar borang pendaftaran, setiap pasukan dianggap telah:

- **membaca peraturan;**
- **memahami format pertandingan;**
- **bersetuju mematuhi semua peraturan;**
- **menerima keputusan pengadil;**
- **menerima keputusan Jawatankuasa Pertandingan; dan**
- **bersetuju mematuhi arahan keselamatan dan disiplin.**

---

## 37. PENUTUP

**Sabah FC Grassroots Tournament 2026** dianjurkan bukan semata-mata untuk menentukan pemenang, tetapi sebagai platform untuk membangunkan bakat muda, meningkatkan pengalaman pertandingan dan memupuk nilai disiplin, kerja berpasukan, keyakinan serta semangat kesukanan.

Semua pasukan, pemain, jurulatih, ibu bapa dan pegawai yang terlibat hendaklah bersama-sama memastikan pertandingan berlangsung dalam suasana yang selamat, profesional, menyeronokkan dan berorientasikan pembangunan pemain muda.

**Jawatankuasa Penganjur**

**Sabah FC Grassroots Tournament 2026**
**Sabah Football Club**



© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

## JAWATANKUASA PELAKSANA

| JAWATAN | NAMA | TANGGUNGJAWAB UTAMA |
|---|---|---|
| Pengerusi Pertandingan | | Sokongan dan perasmian |
| Tim. Pengerusi Pertandingan | | Hala tuju dan kelulusan dasar |
| Penasihat | | membimbing jawatankuasa, memastikan kelancaran pengurusan, serta menjaga kebajikan dan keselamatan peserta |
| Pengarah Pertandingan | | Keseluruhan pelaksanaan |
| Setiausaha | | Surat-menyurat, minit dan laporan |
| Bendahari | | Kutipan yuran, perbelanjaan dan penyata kewangan |
| Unit Pendaftaran & Semakan Umur | | Pendaftaran pasukan, semakan MyKid dan kad pemain |
| Unit Teknikal & Pengadil | | Peraturan, jadual, pengadil dan keputusan |
| Unit Tapak & Logistik | | Penyediaan padang, khemah, sistem PA dan peralatan |
| Unit Keselamatan & Perubatan | | Pasukan perubatan, ambulans, kawalan keramaian |
| Unit Protokol & Majlis | | Perasmian, VIP dan penyampaian hadiah |
| Unit Media & Publisiti | | Hebahan, media sosial, fotografi dan liputan |
| Unit Penajaan | | Mendapatkan dan menguruskan penaja |
| Unit Pemantauan Bakat | | Jurulatih Sabah FC Junior merekod pemain berpotensi |
| Unit Medical | | Memastikan keselamatan, kesihatan, dan kebajikan semua pihak yang terlibat |


© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

## BORANG PENGESAHAN PENYERTAAN KELAB / AKADEMI

**Tarikh Pertandingan: 21 – 22 November 2026**
**Tempat: Padang SAFA Likas, Kota Kinabalu, Sabah**

Dengan ini kami mengesahkan bahawa:

1. ________________________________________(Kelab / Akademi) kami bersetuju untuk menyertai **Sabah FC Grassroots Tournament 2026** yang akan berlangsung pada **21 dan 22 November 2026 di Padang SAFA Likas, Kota Kinabalu, Sabah**.

2. Kami telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi semua Peraturan Pertandingan Sabah FC Grassroots Tournament 2026. Kami dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan di dalam borang ini adalah **benar, tepat dan lengkap**.

3. Kami mengesahkan bahawa semua pemain yang didaftarkan adalah memenuhi syarat umur dan syarat penyertaan yang ditetapkan oleh pihak penganjur. sekiranya terdapat maklumat **palsu, pemalsuan** dokumen, penggunaan pemain yang tidak layak atau pelanggaran serius terhadap peraturan pertandingan, pihak penganjur berhak mengambil tindakan sewajarnya termasuk membatalkan penyertaan pasukan.

4. Kami bersetuju bahawa pihak penganjur berhak menjalankan pemeriksaan atau pengesahan dokumen pemain sekiranya diperlukan.

5. Kami bertanggungjawab memastikan semua pemain, jurulatih, pegawai pasukan dan wakil kelab mematuhi peraturan pertandingan serta arahan Jawatankuasa Penganjur.

6. Kami bersetuju untuk memastikan pemain hadir mengikut jadual pertandingan yang telah ditetapkan.

7. Kami menerima bahawa keputusan pengadil dan Jawatankuasa Pertandingan hendaklah dihormati dan dipatuhi.

8. Kami bersetuju untuk menjaga disiplin, keselamatan, kebersihan serta kemudahan yang disediakan sepanjang kejohanan.

9. Kami memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak Sabah Football Club dalam urusan pertandingan, pendaftaran, pemeriksaan pemain, keselamatan, media dan aktiviti berkaitan kejohanan.


© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.

10. Kami memahami bahawa penyertaan dalam kejohanan ini turut memberi peluang kepada pemain untuk dipantau bagi tujuan Talent Identification (TID) dan pembangunan pemain oleh Sabah FC / Akademi Sabah FC.

**PENGESAHAN RASMI KELAB / AKADEMI**

**Nama Kelab / Akademi:**________________________________________

**Nama Wakil Rasmi:**____________________________________________

**Jawatan:**_______________________________________________________

**No. Telefon:**___________________________________________________

**Tandatangan:**_________________________________________________

**Tarikh:**_________________________________________________________

**COP RASMI KELAB / AKADEMI:**_________________________________

**UNTUK KEGUNAAN URUSETIA SABAH FC**

**Tarikh Diterima**: __________

**Kategori**:
☐ U9
☐ U11

**Status Penyertaan**:
☐ Diterima
☐ Menunggu Pengesahan
☐ Tidak Diluluskan

**Semakan Dokumen Pemain**:
☐ Lengkap
☐ Tidak Lengkap

**Bayaran Penyertaan**:
☐ Diterima
☐ Belum Diterima


SABAH FOOTBALL CLUB
SABAH FC GRASSROOTS TOURNAMENT 2026
© 2026 Sabah Football Club Sdn. Bhd.